







Laporan Tahunan


Penyata Kewangan bagi Tahun
Berakhir 31 Disember 2023



Isi Kandungan

01

Perutusan
Pengerusi



04

Latar Belakang



05

Info Korporat



06

Visi, Misi dan
Fungsi



07

Carta Organisasi



08

Ahli-ahli Lembaga



11

Pengurusan dan
Pentadbiran
Pejabat



13

Pengurusan
Kewangan dan
Perakaunan



19

Laporan Audit



20

Prestasi dan
Pencapaian
Utama



33

Penutup



34

Penyata Kewangan
bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2023



Perutusan Pengerusi

Bagi pihak Ahli-ahli Lembaga, sukacita saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (telah audit) Lembaga Jurukur Tanah (LJT) bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023.

Lanskap Ekonomi 2023

Selepas pandemik berakhir, wujud tanda-tanda positif pertumbuhan ekonomi global pada awal tahun 2023. Namun begitu momentum pemulihan itu tidak kekal lama kerana wujud peralihan dalam trend perbelanjaan pengguna yang lebih ke arah perkhidmatan domestik kesan daripada kadar inflasi global yang tinggi iaitu 6.8%. Selain itu masih terdapat sekatan perdagangan yang berterusan melibatkan kumpulan negara-negara besar dan ketegangan geopolitik dunia turut menjejaskan aktiviti perdagangan global. Sebagai sebuah ekonomi terbuka Malaysia turut merasai kesan kegawatan ekonomi dunia ini di mana pada tahun 2023 Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sederhana dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.7%. Namub begitu, terdapat beberapa sektor telah menyaksikan pertumbuhan antaranya sektor pertanian dan pembinaan iaitu masing-masing pada kadar 1.9% dan 3.6% serta sektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang meningkat sebanyak 7.7%.

Prestasi Operasi 2023

Secara keseluruhannya aktiviti ukuran hakmilik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peningkatan selari dengan kerancangan aktiviti berkaitan hartanah dalam negara dengan jumlah deposit yang diterima oleh LJT pada tahun 2023 telah meningkat sebanyak 7.3% yang berjumlah RM753.09 juta berbanding RM701.73 juta pada tahun sebelumnya. Manakala kemajuan kerja ukur yang dituntut oleh juruukur tanah berlesen sepanjang tahun 2023 juga telah meningkat 10% dengan jumlah tuntutan sebanyak RM520.97 juta berbanding RM473.75 juta pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, bilangan kerja ukur yang telah siap di lapangan sepanjang tahun 2023 adalah sebanyak 8,287 kerja dengan nilai tuntutan sebanyak RM208.09 juta berbanding sebanyak 6,588 kerja dengan nilai tuntutan sebanyak RM181.54 juta pada tahun 2022.



Pada tahun 2023, LJT telah mewartakan seramai 479 juruukur tanah berlesen (JTB) dan seramai 10 orang merupakan JTB baharu. Bilangan calon yang telah menduduki Peperiksaan Bahagian I, Amalan Kadaster pada tahun 2023 adalah seramai 172 calon. Bilangan calon ini adalah yang tertinggi dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Peperiksaan ini adalah peperiksaan peringkat pertama yang perlu dilalui oleh graduan-graduan ukur tanah dan geomatik di dalam proses untuk menjadi seorang juruukur tanah yang berdaftar di LJT. Ini menunjukkan usaha yang telah digerakkan oleh LJT bagi menarik minat lebih ramai graduan bidang ukur tanah dan geomatik untuk menjadi seorang juruukur tanah profesional telah menampakkan hasilnya. Usaha dan inisiatif ini akan dipergiatkan lagi dalam meningkatkan lagi bilangan generasi muda untuk mendaftar sebagai juruukur tanah berlesen seterusnya memperkasakan profesion ukur tanah dan geomatik di negara ini.

Prestasi Kewangan LJT 2023

Pada tahun 2023, prestasi kewangan LJT adalah sangat memberansangkan dengan peningkatan hasil sebanyak 50.38%. Jumlah hasil yang dijana pada tahun 2023 adalah sebanyak RM101.28 juta dan merupakan rekod kutipan hasil tertinggi yang dicatat oleh LJT sejak penubuhannya. Berbanding dengan tahun 2022 jumlah hasil yang dikutip adalah sebanyak RM67.52 juta. Dalam pada itu, LJT sentiasa mengamalkan perbelanjaan yang berhemah dalam melaksanakan fungsi-fungsinya serta memastikan sumber pendapatan yang dijana dapat menampung aktiviti-aktiviti yang dirancang agar berjalan dengan lancar. Justeru itu, jumlah perbelanjaan LJT termasuk cukai dan zakat pada tahun 2023 adalah sebanyak RM80.45 juta berbanding RM54.86 juta tahun sebelumnya.

Tahun 2023 merupakan tahun terbaik dalam prestasi kewangan LJT di mana telah berjaya mencatatkan lebihan hasil selepas cukai dan zakat yang tertinggi iaitu sebanyak RM21.08 juta. LJT akan sentiasa meneruskan usaha serta langkah untuk meningkatkan hasil melalui pengurusan aktiviti ukur geomatik yang cekap dan simpanan yang memberikan pulangan yang tinggi serta merancang perbelanjaan yang selari dengan keperluan semasa. Ini adalah bagi memastikan kedudukan kewangan LJT terus kukuh pada masa hadapan.

Prospek dan strategi LJT masa hadapan

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Lembaga dalam memastikan profesion ukur geomatik terus kompetitif dan mampu bersaing untuk kekal relevan dalam pembangunan negara pada masa kini dan akan datang. Dalam hubungan ini, Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 dan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 ini telah diwartakan pada 22 Oktober 2024 dan berkuatkuasa mulai 23 Oktober 2024. Secara dasarnya, pindaan ini bertujuan menambah baik dan memperkasa Akta ini agar selari dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi serta keperluan pembangunan negara. Dengan pindaan ini, ia memberi jaminan kepada pelanggan berkaitan kualiti perkhidmatan serta kompetensi JTB dalam semua bidang ukur geomatik. Selain daripada itu ia juga bertujuan memperkemas kawal selia aktiviti bidang ukur geomatik demi kepentingan negara secara amnya.

Ucapan Penghargaan

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga, ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. LSr Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali mantan Pengerusi Lembaga, YBrs. LSr Wan Mohamad Darani bin Ab. Rahman mantan Timbalan Pengerusi Lembaga dan Tuan LSr Saiful Wazlan bin Wahab mantan Ahli Lembaga yang telah memberikan sumbangan tenaga dan fikiran untuk memastikan LJTDapat melaksanakan peranan dan fungsi-fungsinya dengan berkesan dan efisien demi kemajuan profesion ukur geomatik.

Dikesempatan ini juga, saya mengalu-alukan kehadiran LSr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob yang telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa 26 Februari 2024 yang lalu. Adalah diharapkan dengan kehadiran beliau dapat menyumbang tenaga dan idea segar demi pembangunan profesion ukur geomatik dan seterusnya bersama-sama memacu LJTD sebagai sebuah organisasi yang disegani di negara ini.

Dato' LSr Hazri bin Hassan

Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia
November 2024

Latar Belakang

Lembaga Juruukur Tanah yang selepas ini akan disebut sebagai LJT, telah ditubuh dan diperbadankan pada 1 Mei 1958 melalui Warta Kerajaan PU 131/58. Penubuhan LJT pada masa itu adalah dengan hasrat untuk mengumpulkan tenaga profesional dalam bidang ukur tanah sebagai pemangkin dan mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembangunan tanah khususnya dan negara amnya. Penubuhannya juga adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 3, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 atau dikenali sebagai Akta 458.

Selain itu, tujuan penubuhan LJT juga adalah untuk melindungi kepentingan pihak yang berkaitan secara langsung dalam perkhidmatan ukur tanah. Antara lain ia bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme juruukur tanah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Dalam hubungan ini, LJT telah diperuntukan kuasa bagi merangka undang-undang dan peraturan berhubung dengan pelesenan serta kawal selia juruukur tanah dan perkara yang berkaitan dengannya.

LJT dianggotai seramai enam (6) orang Ahli Lembaga yang bertanggungjawab untuk memastikan hala tuju LJT selaras dengan asas penubuhannya. Perlantikan dibuat mengikut Seksyen 4, Akta 458. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan empat (4) orang ahli yang dilantik.

Jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi adalah merupakan pegawai ex-officio daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) iaitu masing-masing Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Manakala empat (4) orang ahli yang lain adalah dilantik oleh YB Menteri yang bertanggungjawab bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun. Namun begitu, YB Menteri mempunyai kuasa untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh perkhidmatan bagi seseorang ahli yang dilantik tersebut.

Berdasarkan seksyen tersebut juga, empat (4) orang ahli yang dilantik hendaklah terdiri daripada seorang (1) Pengarah Ukur Negeri dan tiga (3) orang juruukur tanah yang dilesenkan di bawah Seksyen 9, Akta yang sama.

Info Korporat

**Nama Organisasi:**

Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Tarikh Penubuhan:

1 Mei 1958

Alamat Pejabat Berdaftar:

Aras 5-7, Wisma LJT,
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati,
53100 Kuala Lumpur.

Bank Utama:

CIMB Bank Berhad
227 & 228, Jalan Bandar 13,
Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur.

Juruaudit:

Jabatan Audit Negara
Sektor Audit Kewangan,
Aras 5, Blok F2, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62518 Putrajaya.

Juruaudit Luar:

Idris Ibrahim & Co.
No.43-1, Jalan Dataran Wangsa 1,
Dataran Wangsa Melawati,
53300 Kuala Lumpur.

Misi

Menjadikan LJT sebagai sebuah institusi unggul bagi memartabatkan profesion ukur tanah demi kepentingan pembangunan negara melalui perkhidmatan ukur tanah dan geomatik.


Visi

- Mewujudkan satu komuniti ukur tanah yang berkualiti, beretika, bertanggungjawab serta berkeupayaan untuk bertindak secara profesional bersesuaian dengan keadaan semasa; dan
- Menggalakkan pewujudan organisasi yang cekap dan berdaya saing di kalangan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) agar dapat memberikan perkhidmatan ukur tanah dan geomatik yang terbaik serta dapat memenuhi keperluan pembangunan negara.

Fungsi

- Membuat apa-apa peraturan dan ketetapan bagi tujuan pendaftaran juruukur tanah yang berkecualan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan;
- Mengeluarkan lesen menjalankan praktis kepada juruukur tanah yang berdaftar dengan LJT;
- Mendaftar dan mengawal selia praktis syarikat-syarikat JTB;
- Mendaftar orang berartikel yang memenuhi syarat kelayakan pendaftaran;
- Mengawal selia prestasi kerja ukur yang dijalankan oleh JTB;
- Mengurus selia kutipan dan pembayaran deposit fi ukur kepada JTB sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 dan Pekeliling-pekeliling LJT;
- Mengurus selia apa-apa peraturan dan ketetapan berdasarkan kehendak Akta 458 dan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011;
- Menyediakan asas kepimpinan dalam meningkatkan serta memartabatkan profesion ukur tanah; dan
- Membuat penilaian dan memberikan akreditasi kepada program pengajian dalam bidang ukur tanah kepada Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.

Carta Organisasi



Ahli-ahli Lembaga

PENGERUSI

YBhg. Dato' LSr Hazri bin Hassan

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

(Lantikan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 06 September 2023)

TIMBALAN PENERUSI

YBrs. LSr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa 26 Februari 2024)

AHLI LEMBAGA

YBhg. Dato' LSr Haji Mohd Apandi bin Haji Mohamad

Juruukur Tanah Berlesen

(15 November 2022 - 14 November 2024)

YBhg. Datuk LSr Haji Johari bin Wahab

Juruukur Tanah Berlesen

(15 November 2022 - 14 November 2024)

Tuan LSr Dr. Haji Noordin bin Ahmad

Juruukur Tanah Berlesen

(15 November 2022 - 14 November 2024)

Tuan LSr Rosli bin Mohammed

Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan

(1 April 2023 - 31 Mac 2025)

AHLI LEMBAGA TAMAT PERKHIDMATAN


YBrs. LSr Haji Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan sebagai Pengerusi tamat pada 1 Ogos 2023)

YBrs. LSr Wan Mohamad Darani bin Ab. Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi tamat pada 29 Ogos 2023)

Tuan LSr Saiful Wazlan bin Wahab
Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan
(Lantikan sebagai Ahli Lembaga tamat pada 7 Februari 2023)

TARIKH MESYUARAT LEMBAGA 2023

Bil	Tarikh
1	29 Januari 2023
2	11 Mac 2023
3	1 April 2023
4	6 Mei 2023
5	17 Jun 2023
6	29 Julai 2023
7	26 Ogos 2023
8	23 September 2023
9	27 Oktober 2023
10	25 November 2023
11	30 Disember 2023




KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA TAHUN 2023

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	YBhg. Dato' LSr Hazri bin Hassan	Pengerusi	4/4
2	YBrs. LSr Haji Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali	Pengerusi	6/6
3	YBrs. LSr Wan Mohamad Darani bin Ab. Rahman	Timbalan Pengerusi	7/7
4	YBhg. Dato' LSr Haji Mohd Apandi bin Haji Mohamad	Ahli Lembaga	11/11
5	YBhg. Datuk LSr Haji Johari bin Wahab	Ahli Lembaga	11/11
6	Tuan LSr Dr Haji Noordin bin Ahmad	Ahli Lembaga	11/11
7	Tuan LSr Rosli bin Mohammed	Ahli Lembaga	8/8
8	Tuan LSr Saiful Wazlan bin Wahab	Ahli Lembaga	1/1



Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat

Seksyen 7 (1), Akta 458 memperuntukan kepada LJT untuk melantik seorang Setiausaha dan beberapa pegawai lain bagi mengurus tadbir dan menjalankan fungsi-fungsi hariannya. Secara keseluruhannya, pentadbiran pejabat LJT pada tahun 2023 disokong oleh 55 kakitangan iaitu 48 orang kakitangan tetap dan 7 orang kakitangan kontrak dalam pelbagai jawatan.



Jawatankuasa Kerja

LJT telah mewujudkan beberapa jawatankuasa kerja bagi memantapkan dan melancarkan lagi pengurusannya. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Ahli-ahli Lembaga dan individu-individu berkeelayakan yang dilantik dalam Mesyuarat Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ditubuhkan berdasarkan kepada enam (6) aktiviti utama iaitu:

1. Aktiviti Pengurusan Am

- i. Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta;
- ii. Jawatankuasa Sebutharga/Lembaga Perolehan;
- iii. Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal Perolehan;
- iv. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebutharga;
- v. Jawatankuasa Penilaian Perolehan;
- vi. Jawatankuasa Pengurusan dan Pelupusan Harta; dan
- vii. Jawatankuasa Pemeriksa Pengurusan dan Audit Dalam.

2. Aktiviti Pembangunan Profesional

- i. Jawatankuasa Pembangunan Profesional;
- ii. Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan; dan
- iii. Jawatankuasa Bidang Ukur Geomatik.

3. Aktiviti Pembangunan Korporat

- i. Jawatankuasa Mesyuarat Bersama Antara Lembaga Jurukur Tanah.

4. Aktiviti Kelayakan Profesional

- i. Jawatankuasa Penilaian Kelayakan Profesional;
- ii. Jawatankuasa Peperiksaan; dan
- iii. Jawatankuasa Teknikal Bersama.

5. Aktiviti Kawalan dan Disiplin Praktis

- i. Jawatankuasa Penyiasatan
- ii. Jawatankuasa Tatatertib
- iii. Jawatankuasa Amalan Ikhtisas; dan
- iv. Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Kerja Jurukur Tanah Berlesen

6. Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur

- i. Jawatankuasa Kajian Akta dan Peraturan

Selain daripada itu, LJT juga melalui Mesyuarat Lembaga turut mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa lain bagi mengurus dan menyelesaikan isu-isu berbangkit berdasarkan keperluan. Di samping itu, mesyuarat Lembaga juga akan melantik Ahli Lembaga atau Setiausaha Lembaga bagi menjalankan tugas-tugas khas yang melibatkan kepentingan LJT khususnya dan profesion ukur tanah amnya mengikut keperluan semasa.

Pengurusan Kewangan dan Perakaunan

Sumber Kewangan

Pengurusan harian LJT dan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya dijalankan tanpa menerima apa-apa peruntukan dan bantuan samada daripada pihak awam mahupun daripada pihak Kerajaan. Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, LJT bergantung kepada punca kewangan melalui sumber-sumber berikut:

- yuran pendaftaran juruukur tanah;
- yuran pelesenan juruukur tanah;
- yuran pendaftaran juruukur tanah berartikel;
- yuran pendaftaran syarikat JTB;
- yuran peperiksaan/kursus/seminar yang dikendalikan oleh LJT;
- caj pentadbiran yang dikutip daripada fi ukur yang didepositkan di LJT doleh pelanggan JTB berdasarkan Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen yang sedang berkuatkuasa;
- faedah yang diterima daripada simpanan tetap di institusi-institusi kewangan;
- sewaan ruang pejabat; dan
- denda yang dikenakan ke atas JTB berdasarkan Akta 458 dan peraturan (jika ada)

Tatacara Perakaunan

Tatacara perakaunan Penyata Kewangan Tahunan LJT adalah disedia dan diaudit mengikut peraturan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 11(4), Akta 458 iaitu:

“The accounts of the Board shall be audited annually by an auditor appointed by the Board with the approval of the Minister. The accounts, together with the auditor’s report shall be submitted to the Minister.”

Oleh itu, LJT akan memastikan akaun tahunannya diaudit oleh firma Juruaudit Luar yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara sejurus selepas tahun kewangannya berakhir. Laporan kewangan yang telah diaudit itu akan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pemeriksaan dan pengeluaran sijil audit. Seterusnya, penyata yang telah diperakukan oleh Ketua Audit Negara ini akan dikemukakan untuk perhatian YB Menteri yang bertanggungjawab.




Laporan Kewangan

Laporan penuh penyata kewangan LJT bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2023 yang telah diaudit adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022 adalah seperti di Jadual 1.

BUTIRAN	2023 (RM'juta)	2022 (RM'juta)
HASIL	101.53	67.55
PERBELANJAAN	68.31	46.44
LEBIHAN HASIL SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	33.22	21.11
CUKAI	8.14	4.42
ZAKAT	4.00	4.00
LEBIHAN HASIL SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT	21.08	12.69


Jadual 1: Ringkasan Penyata Prestasi Kewangan

Kedudukan kewangan LJT bagi tahun 2023 telah merekodkan pertumbuhan yang memberansangkan dengan mencatatkan peningkatan lebihan hasil selepas cukai dan zakat yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelum. Pada tahun 2023, LJT berjaya memperolehi lebihan hasil selepas cukai dan zakat sebanyak RM21.08 juta berbanding RM12.69 juta pada 2022. Ianya adalah peningkatan sebanyak 66.12% atau RM8.39 juta berbanding tahun sebelumnya.




Rajah 1: Perbandingan Lebih Hasil Tahunan selepas cukai dan zakat dan Lebih Hasil Terkumpul tahun 2023 dan 2022

Merujuk Rajah 1 di atas, LJT telah merekodkan peningkatan dalam lebih terkumpul dengan peningkatan sebanyak RM21.07 juta atau 6.89% pada tahun 2023. Justeru jumlah lebih terkumpul pada tahun 2023 telah meningkat kepada RM326.70 juta berbanding RM305.63 juta pada tahun 2022. Prestasi kewangan yang baik ini adalah hasil daripada aktiviti perkhidmatan ukur yang memberansangkan dan kadar faedah simpanan yang meningkat sepanjang tahun 2023 serta pengurusan perbelanjaan yang berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan LJT terus stabil serta kukuh.



Rajah 2: Perbandingan Hasil tahun 2023 dan 2022

Pada tahun 2023, LJT telah berjaya melepasi kutipan RM100 juta dengan jumlah kutipan hasil sebanyak RM101.54 juta. Ini merupakan rekod kutipan hasil tertinggi yang pernah dicapai sepanjang penubuhan LJT. Berbanding dengan kutipan hasil pada tahun 2022 berjumlah RM67.53 juta, peningkatan hasil tahun 2023 adalah sebanyak 50.32% atau RM33.99 juta yang mana ia dipacu oleh peningkatan dalam pendapatan faedah simpanan yang diterima oleh LJT. Pada tahun 2023, faedah diterima meningkat sebanyak RM32.91 juta atau 62% kepada RM85.99 juta pada tahun 2023 berbanding RM53.08 juta pada tahun 2022. Peningkatan pendapatan faedah ini adalah disebabkan dua faktor iaitu kenaikan kadar faedah antara 3.60% hingga 4.15% pada tahun 2023 berbanding 2.20% hingga 4.00% pada tahun 2022 dan kenaikan jumlah simpanan sebanyak 13% atau RM332 juta (2023:RM2,958juta ; 2022:RM2,625juta). Manakala beberapa kategori hasil lain juga turut meningkat berbanding tahun lalu.



Rajah 3: Perbandingan Perbelanjaan tahun 2023 dan 2022

LJT sentiasa menitikberatkan perbelanjaan yang berhemah serta memantau perbelanjaannya agar seimbang dengan perancangan bajet tahunan dan perolehan hasil yang dijana pada tahun tersebut. Selari dengan peningkatan dalam hasil, perbelanjaan LJT tahun 2023 juga telah meningkat 47.09% atau sebanyak RM21.87 juta kepada RM68.31 juta berbanding RM46.44 juta pada tahun 2022. Sehubungan itu, LJT telah mencatatkan lebihan hasil sebelum cukai dan zakat berjumlah RM33.22 juta tahun 2023 berbanding RM21.11 juta pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak RM12.11 juta atau 57.37%.

Dalam pada itu, LJT sentiasa konsisten membuat bayaran zakat perniagaan kepada beberapa pusat kutipan zakat negeri. Pada tahun 2023, LJT telah membayar zakat perniagaan kepada empat (4) pusat kutipan negeri berjumlah RM4.00 juta seperti tahun lalu. Selain itu, LJT juga telah memperuntukkan cukai bagi tahun 2023 sebanyak RM8.14 juta berdasarkan kedudukan lebihan hasil sebelum cukai dan zakat tersebut.

BUTIRAN	2023 (RM'juta)	2022 (RM'juta)
Aset Semasa	2,407.32	2,208.51
Aset Bukan Semasa	245.79	203.92
JUMLAH ASET	2,653.11	2,412.43
Liabiliti Semasa	2,290.87	2,069.54
Liabiliti Bukan Semasa	35.54	37.26
JUMLAH LIABILITI	2,326.41	2,106.80
JUMLAH ASET BERSIH	326.70	305.63
EKUITI	326.70	305.63

Jadual 2: Ringkasan Perbandingan Penyata Kedudukan Kewangan tahun 2023 dan 2022

Berdasarkan jadual 2 di atas, jumlah aset semasa bagi tahun 2023 telah meningkat sebanyak RM198 juta kepada RM2,407 juta berbanding RM2,209 juta pada tahun sebelum. Daripada jumlah RM2,407 juta tersebut, 98.17% adalah terdiri daripada simpanan jangka pendek, simpanan tetap serta tunai dan baki di bank. Antara faktor utama kenaikan tersebut adalah peningkatan dalam simpanan jangka pendek iaitu sebanyak RM114 juta kepada RM1,902 juta berbanding RM1,786 juta pada tahun 2022.

Bagi jumlah aset bukan semasa pula, peningkatan sebanyak RM41.87 juta iaitu 20.53% kepada RM245.79 juta telah direkodkan pada tahun 2023 berbanding cuma RM203.92 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh tambahan dalam simpanan jangka panjang yang telah dibuat dalam tahun 2023.

Dengan peningkatan kedua-dua kategori aset ini, LJT telah mencatatkan peningkatan dalam jumlah aset kepada RM2,653 juta bagi tahun 2023 berbanding tahun sebelum RM2,412 juta dengan kenaikan sebanyak 9.99%.

Bagi jumlah liabiliti tahun 2023 pula, ia turut meningkat sebanyak 10.39% atau RM219 juta iaitu RM2,326 juta berbanding RM2,107 juta pada tahun 2022. Daripada jumlah liabiliti ini, 99.59% adalah terdiri dari deposit fi ukur yang dikawal selia oleh LJT.

Seterusnya pada 31 Disember 2023, LJT telah mencatatkan jumlah aset bersih atau lebihan hasil terkumpul sebanyak RM326.70 juta berbanding RM305.63 juta pada tahun sebelumnya iaitu meningkat 6.89%.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan LJT adalah sangat memberangsangkan dan menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh serta stabil seperti tahun-tahun sebelumnya. Dengan nisbah kecairan yang tinggi iaitu 1.05:1, ia menunjukkan keupayaan LJT untuk memenuhi semua tanggungan jangka pendeknya serta berkeupayaan untuk mengharungi ketidaktentuan ekonomi pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, LJT sentiasa memantau faktor-faktor luaran yang boleh memberi kesan kepada kedudukan kewangannya serta sentiasa bersiap siaga dengan mengambil tindakan dan langkah yang sewajarnya dalam memastikan kedudukan kewangannya kekal kukuh serta stabil.

Laporan Audit

Berdasarkan peruntukan Seksyen 11(4), Akta 458 akaun LJT hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit yang telah dilantik. Dalam hubungan ini, Firma Audit Bertauliah iaitu Idris Ibrahim & Co. yang beralamat di No.43-1, Jalan Dataran Wangsa 1, Dataran Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur telah dilantik untuk mengaudit akaun LJT bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

LJT telah mengemukakan penyata kewangannya kepada Firma Juruaudit dan Jabatan Audit Negara pada 15 April 2024 untuk proses pengauditan. Penyata Kewangan telah diaudit dan disemak serta disahkan oleh Ketua Audit Negara melalui sijil audit yang dikeluarkan pada 10 Julai 2024 seperti di Lampiran 1.

Merujuk kepada sijil audit yang dikeluarkan, Ketua Audit Negara berpendapat bahawa penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Jurukur Tanah pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458).

Prestasi dan Pencapaian Utama



1. Aktiviti Pengurusan Am

Pengurusan pentadbiran LJT dibahagikan kepada 5 seksyen seperti yang ditunjukkan di carta organisasi LJT. Berikut adalah ringkasan peranan dan tanggungjawab seksyen-seksyen tersebut:-

1.1 Seksyen Kewangan

- Bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan perakaunan LJT termasuk dana LJT;
- Menguruskan sewaan ruang-ruang pejabat di Wisma LJT; dan
- Mengawal selia penyenggaraan bangunan dan harta di Wisma LJT.

1.2 Seksyen Kerja Ukur

- Bertanggungjawab memantau kemajuan kerja-kerja ukur yang berdaftar;
- Mengadakan sesi perbincangan dan dialog dengan JTB serta agensi yang berkaitan untuk menyelesaikan isu-isu kerja tertunggak; dan
- Menerima dan mengurus aduan berkaitan tatalaku profesional JTB dan lain-lain pertanyaan berkaitan kerja ukur.

1.3 Seksyen Teknologi Maklumat

- Bertanggungjawab menguruskan keperluan infrastruktur teknologi maklumat;
- Menyenggara perkakasan, perisian dan peralatan ICT; dan
- Menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berkaitan sistem maklumat LJT.


1.4 Seksyen Pentadbiran

- Mengurus pentadbiran pejabat LJT;
- Mengurus bahagian sumber manusia; dan
- Mengurus kursus, latihan dan seminar kakitangan LJT.


1.5 Seksyen Hal Ehwal Juruukur Tanah

- Mengurus permohonan, pendaftaran serta pelesenan JTB dan Orang Berartikel serta menguruskan Peperiksaan Bahagian II dan III bagi orang berartikel;
- Mengendalikan Peperiksaan Bahagian I; dan
- Menguruskan pemberian subsidi kepada JTB.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan LJT yang memberangsangkan adalah hasil dari sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap dan teratur disamping kawalan perbelanjaan yang berhemah. Rajah 4 dan 5 di bawah menunjukkan prestasi kewangan LJT yang memberangsangkan bagi tahun 2019 sehingga 2023.



Rajah 4: Perbandingan Hasil dan Perbelanjaan



Rajah 5: Lebih Hasil dan Dana Terkumpul

Dalam pada itu, pengurusan deposit fi ukur yang baik dan sistematik dapat memastikan proses pendaftaran kerja ukur dan proses tuntutan fi ukur berjalan dengan lancar dan teratur. Kerja tertunggak juga sentiasa dipantau supaya dapat diselesaikan oleh para JTB dalam tempoh yang munasabah. Jadual di bawah menunjukkan prestasi pengurusan deposit fi ukur bagi tahun 2019 hingga 2023.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Kerja Ukur Diterima	1,2483	6,724	7,216	7,914	7,861
	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta
Jumlah Deposit Ukur Diterima	592.58	512.96	544.85	701.73	753.09

Jadual 3: Bilangan kerja ukur dan jumlah deposit fi ukur yang diterima

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Bilangan Tuntutan yang Diproses	43,014	30,600	33,282	39,462	41,561
	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta	RM'juta
Jumlah Bayaran Tuntutan Fi Ukur yang Terlibat	362.73	371.79	436.20	473.45	520.97

Jadual 4: Bilangan tuntutan yang diproses dan jumlah pembayaran fi ukur bagi tuntutan yang terlibat

2. Aktiviti Pembangunan Profesional

LJT amat menitikberatkan kompetensi, kemahiran serta pengetahuan JTB agar seiring dengan keperluan semasa dan perkembangan teknologi terkini. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pelbagai program telah dilaksanakan di bawah aktiviti ini. Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Dialog dan mesyuarat bersama;
- ii. Kursus dan seminar; dan
- iii. Program Berterusan Pembelajaran dan Pembangunan Profesional.

2.1 Dialog dan mesyuarat bersama

Adalah menjadi kelaziman LJT untuk menganjurkan majlis Perjumpaan LJT Bersama JTB secara tahunan bagi mengumpulkan semua JTB dalam satu majlis. Majlis tersebut akan diisi dengan seminar, sesi penerangan serta makluman-makluman terkini berkaitan ukur tanah. Dalam majlis tersebut turut diadakan sesi dialog antara LJT, Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA) dan Koperasi Juruukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) dengan JTB yang hadir. Dalam sesi ini, JTB berpeluang mengutarakan pelbagai isu atau pandangan bagi penambahbaikan profesion ukur keseluruhannya.



Di samping itu, LJT turut dijemput oleh jabatan atau agensi Kerajaan seperti JUPEM Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri serta Pejabat Tanah dan Daerah Negeri ke mesyuarat pemantauan anjuran mereka yang melibatkan kerja ukur. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia merangkap Pengerusi LJT sangat mengalu-alukan agensi-agensi tersebut mengambil langkah proaktif ini bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan pengukuran dan hakmilik tanah di negeri-negeri tersebut. Hasil daripada perbincangan tersebut, bilangan kerja ukur tertunggak yang berjaya diselesai adalah amat memberansangkan kerana wujudnya kerjasama dan pemudahcara di antara pihak yang terlibat.

2.2 Kursus dan Seminar

2.2.1 Kursus Perisian Civil Design & Survey (CDS)

LJT sentiasa menggalakkan JTB supaya memberikan perkhidmatan yang baik melalui penguasaan teknologi moden. Sehubungan itu, LJT telah memberikan kemudahan subsidi perisian CDS kepada juruukur-juruukur yang pertama kali mendapat lesen praktis. Bagi meningkatkan kemahiran penggunaan perisian tersebut, LJT turut menganjurkan kursus CDS kepada kakitangan-kakitangan JTB yang memerlukan latihan.

Kursus CDS ini dijalankan dalam dua tahap. Peserta dikenakan bayaran sebanyak RM150.00 bagi setiap tahap. Kursus tahap pertama (CDS I) diadakan selama 3 hari manakala tahap kedua (CDS II) selama 2 hari.

TAHUN	2019		2020		2021		2022		2023	
Kursus	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II	CDS I	CDS II
Bilangan Sesi	4	4	42	24	-	-	3	3	2	2
Jumlah Calon	35	28	15	8	0	0	12	12	13	10

Jadual 5: Bilangan Kursus CDS

2.2.2 Lain-lain Kursus

Pada tahun 2023, PEJUTA bersama Geospatial Science & Technology College (GSTC) telah menganjurkan pelbagai kursus latihan kepada JTB dan kakitangan mereka. Kursus yang dijalankan ini telah mendapat pembiayaan daripada LJT. Jadual 6 menunjukkan jenis-jenis kursus yang dibiayai LJT telah dijalankan oleh pihak GSTC dan PEJUTA sepanjang tahun 2023.

Bil	Tajuk	Tarikh	Tempat	Peserta
1	Tatacara Pengambilan Tanah & Syarat-Syarat Kelulusan	6 - 7 Mac 2023	Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan	25
2	Accuracy Determination For TLS Practices In Strata, Stratum & Spatium	14 - 16 Mei 2024	Century Pines Resort, Cameron Highlands	25
3	NIOSH Tenaga Safety Passport	13 Mac 2023	Bilik Kuliah GSTC	25
4	NIOSH Tenaga Safety Passport	29 Mei 2023	Bilik Kuliah GSTC	25
5	NIOSH Tenaga Safety Leader Passport	30 Mei 2023	Bilik Kuliah GSTC	25
6	Persempadanan Marin Kadaster	29 Mac 2023	Studio GSTC	108
7	High Presicion Engineering - New Opportunities	5 April 2023	Studio GSTC	104
8	The Surveyor And Augmented Reality - Ready For The Future	12 April 2023	Studio GSTC	91
9	Healthcare And Wellness Talk - Love Your Hearts	19 April 2023	Studio GSTC	47
10	GIS Solution In Land Surveying	6 - 8 Jun 2023	Vouk Hotel Suite By The Blanket, Penang	27
11	Business Establishment For Licensed Land Surveyors	15 Jun 2023	Studio GSTC	54
12	Introduction To Geomatics Scopes For Exploration & Production (E&P) Industry	19 Jun 2023	Studio GSTC	52
13	Applied Geodesy And Coordinate Reference System (CRS)	20 Jun 2023	Studio GSTC	55
14	Tanggungjawab Majikan Kepada Pekerja	22 Jun 2023	Studio GSTC	61
15	Pemetaan UAV	10 Julai 2023	Studio GSTC	61
16	Strata Title Survey- Updates, Processing And Submission	12 Julai 2023	Studio GSTC	73

Bil	Tajuk	Tarikh	Tempat	Peserta
17	Ethics First - Promoting Ethical Practices In Land Surveying	14 Julai 2023	Studio GSTC	44
18	Refinement Of Malaysian Geocentric Datum - Implementation In Surveying & Mapping	17 Julai 2023	Studio GSTC	53
19	Falak Syarie Siri 3 - Hitungan Waktu Solat	24 Julai 2023	Studio GSTC	31
20	Building Information Modelling In Strata Management	26 Julai 2023	Studio GSTC	56
21	Upholding Professional Integrity – Challenges And Solutions For Malaysian Land Surveyors	4 Ogos 2023	Studio GSTC	39
22	Risk Management: The Legal Right & Contract Management For Licensed Land Surveyor	9 Ogos 2023	Studio GSTC	45
23	Best Practices Of Coordinated Cadastral Survey & Datum Realization	18 Ogos 2023	Studio GSTC	69
24	Business Tax Solution & Finance Skills For Licensed Land Surveyor	23 Ogos 2023	Studio GSTC	49
25	GNSS Levelling Best Practices	28 Ogos 2023	Studio GSTC	62

Jadual 6: Kursus latihan sepanjang tahun 2023

2.3 Program Berterusan Pembelajaran dan Pembangunan Profesional (Continuous Educational and Professional Development Programme- CEPD)

JTB adalah dikehendaki untuk mengikuti program CEPD sebagai salah satu syarat untuk memperbaharui lesen praktis mereka. Sehubungan itu, program-program CEPD untuk JTB telah dikendalikan dan diatur sepenuhnya oleh PEJUTA. Sebagai insentif, LJT telah menyediakan peruntukan dan subsidi kepada PEJUTA bagi membiayai program-program tersebut. Manakala bagi juruukur tanah berdaftar khususnya pegawai-pegawai terpilih yang berkhidmat di JUPEM, mereka hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Tenaga, Sumber Asli dan Perubahan Iklim untuk mengikuti program CEPD di luar negara. Jadual di bawah adalah bilangan juruukur tanah yang telah menghadiri pelbagai program CEPD yang dijalankan di luar negara.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Juruukur Tanah Berlesen	321	20	0	241	304
Jumlah Juruukur Tanah Berdaftar	28	6	0	21	21

Jadual 7: Bilangan Peserta CEPD

3. Aktiviti Pembangunan Korporat

LJT juga terlibat dalam beberapa mesyuarat bersama badan-badan pengawas, jawatankuasa dan pertubuhan lain dalam usaha meningkat dan memartabatkan profesion ukur tanah dan pemetaan di negara ini. Antara agensi dan jawatankuasa yang bekerjasama dengan LJT adalah:

- i. Panel Perunding, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia;
- ii. Panel Perunding, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian;
- iii. Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM)
- iv. ASEAN Coordinating Committee on Services;
- v. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); dan
- vi. Lembaga Perancang Bandar.

Selain itu, mesyuarat bersama di antara Lembaga-lembaga Juruukur Tanah turut diadakan setiap tahun. Mesyuarat tersebut dihoskan secara bergilir di antara LJT, Lembaga Juruukur Sabah, Lembaga Juruukur Tanah Sarawak, Lembaga Juruukur Tanah Brunei dan Land Surveyors Board Singapura.

Pada 6 Julai 2023, LJT selaku tuan rumah telah menganjurkan mesyuarat bersama kali ke-38 bertempat di Hotel Grand Millennium Kuala Lumpur.

4. Aktiviti Kelayakan Profesional

Aktiviti ini meliputi:

- i. Pendaftaran Juruukur Tanah;
- ii. Pelesenan Juruukur Tanah;
- iii. Pendaftaran Orang Berartikel (*Article Person*)
- iv. Mengendalikan peperiksaan di bawah Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011; dan
- v. Mengeluarkan Sijil Kompetensi.

4.1 Pendaftaran Juruukur Tanah

Juruukur tanah yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh LJT boleh memohon untuk didaftarkan di LJT. Pendaftaran sebagai juruukur tanah hanya perlu dibuat sekali sahaja melainkan jika namanya telah dikeluarkan daripada daftar maka juruukur tanah berkenaan perlu mendaftar semula.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Pendaftaran Baharu	7	10	20	7	6

Jadual 8: Bilangan Pendaftaran Baharu Juruukur Tanah

4.2 Pelesenan Juruukur Tanah

Juruukur-juruukur tanah yang berdaftar dengan LJT perlu memohon lesen daripada LJT sebelum menjalankan praktis masing-masing. Lesen yang telah dikeluarkan perlu diperbaharui sebelum 31 Januari setiap tahun. Sepanjang tahun 2023, seramai 479 orang telah diwartakan oleh LJT sebagai JTB.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Juruukur Tanah Berlesen Baharu	10	5	10	18	10

Jadual 9: Bilangan Juruukur Tanah Pertama Kali Memohon Lesen

4.3 Pendaftaran Orang Berartikel (*Article Person*)

Bagi calon-calon yang berkelayakan dan ingin mendaftar sebagai Juruukur Tanah Berdaftar, mereka perlu berartikel dibawah salah seorang JTB atau Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Orang-orang berartikel ini perlu lulus peperiksaan yang ditetapkan serta melalui beberapa siri ujian kecekapan dan ujian lisan sepanjang tempoh artikel mereka. Orang-orang berartikel ini juga perlu memperbaharui pendaftaran apabila tempoh artikel mereka tamat.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Orang Berartikel	135	115	148	139	206

Jadual 10: Bilangan Orang Berartikel yang berdaftar di LJT

4.4 Peperiksaan

LJT bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan sebagai pra-syarat untuk mendapatkan kelayakan profesional seperti dinyatakan pada Bahagian V, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Peperiksaan- peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

4.4.1 Peperiksaan Bahagian I, Amalan Kadaster

Peperiksaan bertulis ini diduduki oleh calon-calon yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ukur tanah atau geomatik atau yang setaraf dengannya.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Calon	106	61	90	89	172
Calon Lulus	12	13	7	15	46

Jadual 11: Bilangan Calon Peperiksaan Amalan Kadaster

4.4.2 Peperiksaan Bahagian II, Pengemukaan Tugas Amali

Calon yang telah lulus ujian Amalan Kadaster dan cukup dua (2) tahun mendaftar sebagai Orang Berartikel dengan LJT perlu mengemukakan tujuh (7) projek amali seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II, Jadual Kesembilan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011. Projek amali tersebut dinilai oleh pemeriksa yang dilantik oleh Lembaga.

4.4.3 Peperiksaan Bahagian III, Peperiksaan Amali dan Lisan

4.4.3.1 Ujian Kecekapan Kerjalar Kadaster (3K)

Ujian ini adalah terdiri daripada orang berartikel yang telah berjaya dalam Peperiksaan Bahagian II. Susulan pandemik Covid-19 yang berlarutan dari tahun 2020 hingga 2021, ujian ini tidak dilaksanakan pada tahun-tahun tersebut. Jadual di bawah menunjukkan data bagi tahun 2019 sehingga tahun 2023.

PERKARA/ TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Sesi	1	0	0	2	2
Jumlah Calon	3	0	0	5	7
Calon Lulus	2	0	0	4	7

Jadual 12: Ujian Kecekapan Kerjalar Kadaster (3K)

4.4.3.2 Ujian Lisan (Viva Voce)

Calon yang menduduki Ujian Lisan (Viva Voce) adalah orang berartikel yang telah lulus semua ujian di atas atau orang berartikel dari kakitangan JUPEM yang telah memenuhi syarat berdasarkan Pekeliling LJT Bil. 1/2000.

PERKARA/ TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Sesi	6	5	5	3	6
Jumlah Calon	24	18	15	8	8
Calon Lulus	14	12	13	6	12

Jadual 13: Bilangan Calon Peperiksaan Ujian Lisan (Viva Voce)

4.5 Sijil Kompetensi

Sijil ini dikeluarkan oleh LJT kepada orang-orang berartikel yang berjaya di dalam semua ujian ditetapkan. Setelah memperoleh sijil ini orang berartikel tersebut layak untuk mendaftar sebagai Juruukur Tanah Berdaftar di LJT.

PERKARA/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Bilangan Sijil yang Dikeluarkan	14	12	13	6	12

Jadual 14: Bilangan Sijil Kompetensi

5. Aktiviti Kawalan dan Disiplin Praktis

Salah satu fungsi LJT adalah mengawal selia prestasi kerja ukuran hakmilik yang dijalankan oleh para JTB. Aktiviti kawal selia ini dikendalikan melalui kaedah berikut:

- i. lawatan-lawatan pemantauan oleh LJT atau mana-mana wakil yang dilantik;
- ii. sesi dialog;
- iii. perjumpaan; dan
- iv. rundingcara.

5.1 Aduan dan Siasatan

LJT turut menerima aduan-aduan daripada pelbagai pihak berkaitan etika dan profesionalisme JTB. Aduan-aduan yang diterima akan dibincang dan disiasat oleh Jawatankuasa Penyiasatan. Hasil laporan dari jawatankuasa tersebut akan dibentangkan kepada Lembaga untuk menentukan sama ada ia perlu dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan seterusnya. Jadual di bawah menunjukkan bilangan aduan yang dikendalikan oleh LJT bagi tahun 2021 hingga 2023.


PERKARA/TAHUN	2021	2022	2023
Aduan Baharu	2	2	3
Dalam Siasatan	2	3	3
Rundingcara	1	0	0
Tindakan Disiplin & Tatatertib	1	1	1
Peringatan/Teguran Pentadbiran	0	1	0
Kes Ditutup	4	1	2

Jadual 15: Bilangan Aduan dan Tindakan yang Diambil

6. Aktiviti Kajian Akta, Peraturan dan Prosedur

LJT adalah badan yang bertanggungjawab dalam merangka apa-apa peraturan dan prosedur mengikut kehendak Akta 458 dan keperluan semasa. Dalam hubungan ini, LJT telah berjaya membuat pindaan terhadap Akta 458 yang mana ianya telah diwartakan pada 22 Oktober 2024.

LJT juga sedang mengemaskini kadar fi ukur Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (Underground Utility Mapping). Pada tahun 2023, kertas cadangan kadar tersebut telah diserahkan kepada Kementerian Kewangan dan sedang disemak oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan untuk pertimbangan kelulusan pemakaiannya.



Penutup

Tahun 2023 telah menyaksikan pelbagai pencapaian yang membanggakan hasil kerjasama dan dedikasi semua Ahli Lembaga, pihak pengurusan dan kakitangan LJT. Dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan, kami kekal komited untuk terus memperkukuh organisasi seiring dengan visi dan misi penubuhannya.

Dalam menghadapi cabaran masa depan, LJT akan terus berinovasi dan menyesuaikan diri dengan perubahan demi memastikan fungsi-fungsi LJT dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan. LJT juga akan sentiasa memelihara kelestarian profesion ini demi kepentingan semua pihak dan seterusnya menjadi menyumbang utama dalam pembangunan dan kemajuan negara.



PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kandungan	Halaman
Sijil Ketua Audit Negara	1-4
Maklumat Korporat	1-2
Pengakuan oleh Pegawai Utama	3
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah	4
Penyata Kedudukan Kewangan	5
Penyata Prestasi Kewangan	6
Penyata Perubahan Ekuiti	7
Penyata Aliran Tunai	8-9
Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	10
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	11-30

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Jurukur Tanah Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia berdasarkan keperluan Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

10 JULAI 2024



LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

MAKLUMAT KORPORAT

Pengerusi : **YBrs. Sr Hazri bin Hassan**
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan sebagai Pengerusi berkuatkuasa pada 06 September 2023)
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi pada 29 Ogos - 05 September 2023)

Timbalan Pengerusi : **YBrs. Sr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob**
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi berkuatkuasa pada 26 Februari 2024)

Ahli-ahli Lembaga : **YBhg Dato' Sr Hj Mohd Apandi bin Hj Mohamad**
Juruukur Tanah Berlesen
(15 November 2022 - 14 November 2024)

YBhg Datuk Sr Hj Johari bin Wahab
Juruukur Tanah Berlesen
(15 November 2022 - 14 November 2024)

Tuan Sr Dr. Noordin bin Ahmad
Juruukur Tanah Berlesen
(15 November 2022 - 14 November 2024)

Tuan Sr Rosli bin Mohammed
Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor
(01 April 2023 - 31 Mac 2025)

Ahli-ahli Lembaga yang tamat perkhidmatan.

Tuan Sr Saiful Wazlan bin Wahab
Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan
(Lantikan sebagai Ahli Lembaga tamat pada 07 Februari 2023)

YBrs. Sr Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
(Lantikan sebagai Pengerusi tamat pada 01 Ogos 2023)

YBrs. Sr Wan Mohamad Darani bin Ab. Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
(Lantikan sebagai Timbalan Pengerusi tamat pada 29 Ogos 2023)

LEMBAGA JURUKUR TANAH, MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991)

MAKLUMAT KORPORAT (sambungan)

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif : YBhg. Datuk Sr Ismail bin Harun, DPSM

Juruaudit : Ketua Audit Negara
Malaysia

Pejabat Berdaftar : Aras 5 - 7, Wisma LJT
